

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1989/90

Mac/April 1990

SBU202 - Sejarah Sosial Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **TIGA** (3) soalan sahaja. Soalan **SATU** dan soalan **DUA** dari Bahagian A **WAJIB** di jawab. Pilih **SATU** (1) soalan dari Bahagian B.

**Bahagian A**

**SOALAN WAJIB**

1. Kursus ini cuba membawa beberapa perspektif baru dalam analisis mengenai sejarah sosial Malaysia dan alam sekitarnya. Huraikan dengan panjang lebar pembentukan-pembentukan yang telah dibuat terhadap pandangan Jomo Sundaram dan Shaharuddin Maaruf dengan memberi contoh-contoh yang konkret.

Kemudian huraikan lima dari konsep-konsep berikut yang berkaitan dengan analisis baru ini;

- (a) Peralihan
- (b) Kepincangan 'Orientalisme'
- (c) Sejarah skala besar dan jangka panjang
- (d) Bentukan Sosial
- (e) 'Hegemony'
- (f) 'Pemerasan' (exploitation)
- (g) Negara

(30 markah)

... 2/-

2. Kenalpasti sebuah daerah di dunia Melayu bermula pada abad 16 hingga abad 18 yang mempunyai sejarah yang berkesinambungan, ada sekurang-kurangnya sebuah hikayat dan sebuah kesultanan. Berpandukan latarbelakang bentukan sosial ini, jawab soalan-soalan berikut;

- (a) Nyatakan ciri utama masyarakat seperti bahasa, budaya, geografis, penduduk dan sejarah ringkas.
- (b) Sudahkah jenis pengeluaran kapitalisme bermula dan nyatakan sistem pengeluarannya, dagangannya, buruhnya dan kapitalnya. Apa kata Burns dan Jomo tentang soal ini.
- (c) Apakah sistem politik yang diamalkan. Samakah dengan tafsiran J.M. Gullick dan A.C. Milner.
- (d) Terangkan kedudukan geo-politik daerah yang dipilih sewaktu abad 16 hingga ke abad 19.

(40 markah)

**Bahagian B**

Pilih **SATU** (1) soalan sahaja.

3. Analisis kelas sosial merupakan konsep asas dalam analisis semula sejarah sosial Malaysia. Nyatakan pandangan anda dengan menjelaskan sumbangan beberapa tokoh utama.

Berpandukan perspektif ini huraiakan transformasi masyarakat tani pada zaman kolonial di Semenanjung Malaysia. Bedakan pandangan Jomo, Burns dan Bach.

(30 markah)

4. Bagaimanakah konsep 'negara' telah digunakan dalam pembicaraan mengenai masyarakat dunia Melayu sejak abad 16. Nyatakan ahli-ahli teori yang mempengaruhi konsep ini.

Huraikan kemunculan "Kesultanan Melayu" dan "negara kolonial" mengikut perspektif di atas.

Bagaimanakah institusi ini menolong mengembangkan kapitalisme.

(30 markah)

5. Terangkan perkembangan fikiran Melayu mengenai kapitalisme sejak abad Ke 16 dengan mengemukakan pendapat tokoh-tokoh utama.

Bagaimanakah pemikiran ini dan masyarakat Melayu menghadapi kapitalisme kolonial. Nyatakan kelemahan-kelemahan yang ketara.

Dapatkan perspektif "pembangunan kemunduran" sejak abad 16 menghuraikan masalah sebenar orang-orang Melayu. Huraikan mengikut pandangan beberapa tokoh utama analisis ini.

(30 markah)

- oo oo oo -